

Oleh Abnor Hamizam
Abd Manap
bhrencana@bh.com.my

Tidak ramai yang sanggup meredah sungai sejauh dua kilometer semata-mata untuk menikmati keunikan jeram, namun bagi pencinta alam, Jeram Berungut di hulu Sungai Kenaboi adalah sebuah 'rahsia hijau' yang berbaloi untuk diterokai.

Digelar juga sebagai 'Lord of The Rings Malaysia', kerana landscape semula jadinya luar biasa, jeram ini menawarkan keindahan menakutkan yang sukar ditemui di tempat lain.

Untuk sampai ke jeram yang terletak jauh di hulu Sungai Kenaboi itu, pengunjung perlu bersedia secara mental dan fizikal. Perjalanan bermula dari Taman Negeri Kenaboi, kira-kira 100 kilometer dari Seremban, dan mengambil masa lebih sejam. Dari sana, pengunjung perlu mengharungi sungai sejauh dua kilometer, melalui laluan berair yang kadangkala deras serta berbatu dan licin.

Bukan sekadar basah oleh peluh, malah hampir seluruh perjalanan memerlukan keberanian dan ketahanan diri, kerana kira-kira 90 peratus masa berada di dalam air.

Pengendali ekspedisi dari Trekzo Resources, Mohd Razainor Hisham Mohd Saufi, berkata sejak kebelakangan ini permintaan pengunjung untuk ke Jeram Berungut semakin meningkat saban tahun.

Katanya, daya tarikan utama bukan sekadar keindahan visual semula jadi, tetapi juga kerana suasananya yang mengingatkan orang awam kepada lokasi penggambaran filem terkenal, The Lord of the Rings di New Zealand.

Seperti di dunia fantasi

Apatah lagi dengan dinding batu tinggi diselaputi lumut hijau di kiri dan kanan serta sungai yang mengalir tenang di tengah, pengunjung seolah-olah berada di dunia fantasi.

Namun, beliau menegaskan bahawa hanya mereka yang benar-benar menghargai alam sekitar akan dapat menjwai pengalaman sebenar di jeram ini.

"Jika sekadar datang untuk mandi-manda, mungkin keindahan tempat ini tidak begitu terasa. Tapi bagi yang peka terhadap keuni-

Jeram Berungut, permata tersembunyi Jelebu

Jauh di hulu Sungai Kenaboi bukan alasan gagal memikat pengunjung



▲ Jeram Berungut di Jelebu yang turut digelar Lord Of The Rings Malaysia.

Mereka yang mahu ke Jeram Berungut perlu mengharungi sungai untuk sampai ke lokasi (Foto Abnor Hamizam Abd Manap/BH)

kan alam semula jadi, suasana di sini benar-benar mengasyikkan," katanya.

Bagi mereka yang risau mengenai keselamatan, Mohd Razainor menjelaskan bahawa semua pengendali ekspedisi menyediakan jaket keselamatan dan topi keledar, yang wajib dipakai sepanjang perjalanan.

Selain ke Jeram Berungut, pengunjung juga berpeluang menyertai pelbagai aktiviti air di beberapa *check point* sepanjang laluan. Aktiviti ini termasuk membina keyakinan diri dalam air, teknik apungan, serta terjunan sendiri, satu nilai tambah untuk mereka yang ingin lebih daripada sekadar kunjungan biasa.

Menariknya, kawasan ini turut



menjadi lokasi penting bagi pemeliharaan biodiversiti. Taman Negeri Kenaboi, seluas 9,045 hektar, ia adalah kawasan hutan hujan dipterokarp bukit terbesar di Negeri Sembilan.

Ia menjadi habitat kepada pelbagai spesies flora dan fauna, termasuk hutan buluh yang menjulang tinggi, rama-rama Rajah Brooke dan burung enggang timur yang sukar dilihat di tempat lain. Tidak hairanlah kawasan ini turut menjadi tumpuan para pencinta burung dan pencinta alam dari dalam dan luar negara.

Malah, menurut Mohd Razainor, ramai pengunjung datang dari luar Negeri Sembilan, termasuk dari Johor, Melaka, Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang, bahkan Brunei dan Singapura. Antara sebabnya ialah pengalaman berbeza yang ditawarkan di sini bukan hanya berjalan di hutan, tetapi menyelusuri sungai sambil belajar mengenai keselamatan air dan ekosistem sekeliling.

Kekayaan flora fauna

Norazuani Adnan, 38, dari Johor Bahru adalah salah seorang pengunjung yang sudah menjejak kaki ke Jeram Berungut lebih dari sekali.

Katanya, kunjungan pertamanya bersama keluarga, dan kali kedua bersama rakan-rakan yang turut terpesona dengan gambar dan cerita yang dikongsikannya.

"Saya gemar melancong terutama membabitkan aktiviti berkaitan flora dan fauna jadi biarpun Jeram Berungut terletak di Negeri Sembilan ia tidak menjadi masalah.

"Kali kedua saya datang bersama rakan-rakan yang turut teruja untuk ke Jeram Berungut dan masih lagi menggunakan khidmat pengendali ekspedisi yang sama," katanya.

Tambah Norazuani, bukan sahaja keindahan visual yang menjadi tarikan, tetapi juga pengetahuan yang diperoleh sepanjang kembara ke situ, misalnya jurupandu arah turut berkongsi ilmu berkaitan alam sekitar, sekali gus memberi kesedaran kepada pengunjung tentang pentingnya memelihara hutan dan sumber air semula jadi.

Katanya, aliran sungai yang jernih, kehijauan tumbuhan yang masih asli dan suasana damai belum terusik menjadikan Jeram Berungut bukan sekadar destinasi rekreasi, tetapi juga simbol kekayaan alam semula jadi Jelebu yang harus terus dilindungi.

